

28 DEC 1999

Musa-Pendidikan

MUTU PENDIDIKAN SEKOLAH LUAR BANDAR AKAN DIBAIKI, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 28 Dis (Bernama) -- Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata mutu pendidikan sekolah-sekolah luar bandar akan diperbaiki kerana terdapat jurang perbezaan dengan mutu sekolah-sekolah bandar.

"Saya sekarang ini sedang meneliti dan cuba mendapatkan fakta-fakta tentang apa yang harus kita buat untuk meningkatkan mutu pendidikan di luar bandar," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada waktu rehat persidangan Dewan Negara di sini hari ini.

Musa berkata pembaikan itu akan bertumpu kepada semua perkara termasuk aspek fizikal, kualiti guru dan pelajar serta cara perjalanan kurikulum.

Beliau yang juga seorang Senator, mengikuti prosiding Dewan Negara dan mengambil perhatian kepada semua teguran, saranan dan harapan yang disuarakan oleh beberapa senator lain.

"Saya menyedari banyak pihak menaruh harapan supaya kementerian dapat mengatasi beberapa masalah yang mereka tahu telah membantutkan pendidikan kita, saya rasa tugas itu amat berat tetapi insyaAllah, saya akan cuba tunaikan tanggungjawab itu," katanya.

Musa yang merupakan bekas naib canselor Universiti Sains Malaysia, mencipta sejarah sebagai orang bukan politik pertama dilantik sebagai seorang Menteri Kabinet di negara ini.

Perlantikan beliau bersama lapan Menteri Kabinet baru dalam senarai Kabinet selepas pilihan raya umum ke-10 baru-baru ini, mengejutkan banyak pihak kerana beliau bukan sahaja tidak bertanding dalam pilihan raya, malah bukan seorang ahli politik.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjelaskan mengenai perlantikan Musa berkata beliau mahu suntikan idea baru dalam bidang pendidikan.

Musa berkata beliau menghadiri persidangan dewan untuk mengikuti perbincangan dan secara kebetulan pula ramai di antara anggota dewan membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan kementerian itu.

"Mungkin secara kebetulan saya berada di situ agaknya, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka," katanya.

Ditanya sama ada beliau akan membuat sebarang perubahan dasar dalam sistem pendidikan pra-sekolah sebagaimana yang disarankan oleh seorang Senator hari ini, Musa berkata adalah terlalu awal baginya untuk menjawab soalan itu.

"Tunggu dulu, apabila saya telah selesai meninjau seluruh dasar yang ada dan melihat sejauh mana keberkesannya, barulah saya membuat langkah-langkah tertentu," katanya.

Senator Hajah Melati Ali semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999 di Dewan Negara hari ini telah menyarankan supaya kerajaan tidak lagi membenarkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menubuhkan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) atau Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (Taski).

Ini kerana pertubuhan berkenaan telah menggunakan Taska dan Taski sebagai tempat untuk menerap semangat kebencian di kalangan anak-anak kecil terhadap kerajaan dan pemimpin kerajaan.

Jika penubuhan Taska dan Taski terus dibenarkan, Kementerian Pendidikan harus mengawal kurikulumnya agar ia seragam dan selaras dengan dasar pendidikan negara, kata Melati.

Musa berkata beliau akan memberi tumpuan kepada pendidikan di semua peringkat, daripada tadika hingga pendidikan universiti, sama ada di sektor

awam mahupun swasta, kerana pendidikan ialah tentang pembinaan insan secara menyeluruh.

Menteri itu berkata beliau akan lebih meninjau daripada segi dasar pendidikan dan bukan perjalanan kementerian yang lebih merupakan tugas Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Dr Abdul Shukor Abdullah.

Tugas Ketua Pengarah Pendidikan termasuklah mengumumkan keputusan peperiksaan awam di negara ini seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR).

"Dr Shukor akan umumkan keputusan PMR (esok) kerana perkara itu adalah perkara profesional, saya rasakan adalah lebih baik Ketua Pengarah seperti biasa, mengumumkan keputusan itu tak perlu Menteri," katanya.

Musa berkata Dr Shukor harus diberikan tanggungjawab yang perlu dalam pendidikan termasuklah mengumumkan keputusan peperiksaan.

-- BERNAMA

AFY LAT